

SULIT
21/1
SEJARAH
Kertas 1
Ogos
1 1/4 jam

21/1



**PERSIDANGAN KEBANGSAAN PENGETUA-PENGETUA
SEKOLAH MENENGAH MALAYSIA (PKPSM) CAWANGAN MELAKA
DENGAN KERJASAMA
JABATAN PELAJARAN MELAKA**

**PEPERIKSAAN PERCUBAAN
PENILAIAN MENENGAH RENDAH 2010**

SEJARAH

Kertas 1

Satu jam lima belas minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi 60 soalan.*
2. *Jawab semua soalan.*
3. *Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan, iaitu A, B, C dan D. Bagi setiap soalan, pilih satu jawapan sahaja. **Hitamkan** jawapan anda pada kertas objektif yang disediakan.*
4. *Jika anda hendak memukar jawapan, padamkan tanda yang telah dibuat. Kemudian hitamkan jawapan yang baru.*

Kertas soalan ini mengandungi 31 halaman bercetak.

[Lihat halaman sebelah

- 1 Pengertian sejarah berikut telah dikemukakan oleh Tokoh X .

Penceritaan tentang tindakan manusia dan sebab-sebab mereka melakukannya.

Tokoh X

Tokoh X ialah

- A Herodotus
 - B R.O.Winstedt
 - C Abdul Hadi Hassan
 - D Muhd.Yusof Ibrahim
- 2 Jadual berikut menunjukkan lokasi petempatan masyarakat pada Zaman Prasejarah di Malaysia.

Negeri	Lokasi
Perak	Kota Tampan
Sarawak	Gua Niah

Lokasi tersebut merupakan petempatan bagi masyarakat Zaman

- A Paleolitik
- B Mesolitik
- C Neolitik
- D Logam

[Lihat halaman sebelah

- 3 Pernyataan berikut menerangkan pentadbiran kerajaan awal di Asia Tenggara.

Kerajaan Chih Tu yang diasaskan pada abad keenam Masihi mengikut corak pemerintahan kerajaan Srivijaya.

Apakah sistem pemerintahan yang diamalkan oleh kerajaan tersebut ?

- A Autokratik
 - B Demokrasi
 - C Raja berkuasa mutlak
 - D Raja berperlembagaan
- 4 Parameswara menjangkakan Temasik berpotensi untuk berkembang maju. Apakah faktor yang menyebabkan beliau berpendapat demikian?
- A Kerajinan penduduk
 - B Kedudukan strategik
 - C Kekayaan hasil bumi
 - D Kekebalan pertahanan

- 5 Jadual berikut menunjukkan sumbangan rakyat Melaka dalam usaha membangunkan Melaka.

Rakyat Melaka	Sumbangan
Orang Asli	Membekalkan hasil hutan
Orang Melayu	Menjadi pembesar
Orang Laut	X

Apakah X ?

- A Mengurus pentadbiran negeri
 - B Menyeragamkan kutipan cukai
 - C Membekalkan peralatan perang
 - D Menjaga keselamatan perairan
- 6 Petikan berikut menggambarkan keadaan Melaka pada zaman kegemilangannya.

“Maka segala dagang atas angin dan bawah angin sekaliannya datang ke Melaka; terlalu ramai bandar Melaka pada zaman itu.”

Apakah kesimpulan yang dapat dibuat berdasarkan petikan tersebut ?

- A Melaka mempunyai pemerintah yang mesra
- B Melaka merupakan pusat perdagangan antarabangsa
- C Melaka mempunyai penduduk berbilang kaum
- D Melaka merupakan pusat pelancongan utama

[Lihat halaman sebelah

- 7 Kata-kata berikut diucapkan oleh Tun Perak selepas kematian anaknya.

“ Adat hamba Melayu tidak pernah derhaka, tetapi akan kita bertuankan seorang ini, janganlah. “

W.G. Shellabear (ed).

Sejarah Melayu, halaman 123

Kata-kata tersebut dapat membuktikan bahawa Tun Perak merupakan seorang yang

- A bijak
 - B berani
 - C taat setia
 - D toleransi
- 8 Dialog berikut mungkin berlaku di istana Melaka pada abad ke-16.

Raja Mendeliar : Tuanku, Tun Mutahir cuba mengatasi
kekayaan Tuanku!

Sultan Mahmud Shah : Benarkah apa yang tuan hamba katakan?

Apakah tindakan Sultan Mahmud Shah?

- A Membunuh Tun Mutahir
- B Memindahkan Tun Mutahir
- C Melucutkan jawatan Tun Mutahir
- D Merampas kawasan pentadbiran Tun Mutahir

[Lihat halaman sebelah

- 9 Pada tahun 1510, Alfonso de Albuquerque telah mengemukakan tuntutan kepada Sultan Mahmud Shah di Melaka.

Apakah tuntutan yang dikemukakan ?

- I Membayar ganti rugi
- II Membebaskan tawanan
- III Melantik penasihat luar
- IV Mengurangkan kadar cukai

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

- 10 Negeri berikut ditakluki oleh Aceh pada abad ke 17.

- | |
|---|
| <ul style="list-style-type: none">• Pedir• Pasai |
|---|

Penaklukan tersebut membolehkan Aceh

- A memperkukuh pasukan tentera
- B menyekat kemasukan kuasa asing
- C memonopoli hasil perlombongan
- D menguasai perdagangan lada hitam

[Lihat halaman sebelah

- 11 Jadual berikut merujuk kepada perjanjian yang ditandatangani antara Perak dengan Belanda.

Tarikh	Peristiwa
13 Mac, 1753	Sultan Iskandar Zulkarnain telah menandatangani perjanjian dengan Thomas Acheppers

Apakah kesan daripada perjanjian tersebut?

- A Perak menerima seorang penasihat Belanda
 - B Perak memperoleh bantuan ketenteraan Belanda
 - C Perak menggunakan sistem mata wang Belanda
 - D Perak menjual bijih timah kepada Belanda
- 12 Maklumat berikut berkaitan dengan alat muzik tradisional masyarakat Melayu.

Nobat
Terdiri daripada semambu, gong, nafiri, serunai, dua gendang besar dan dua gendang kecil.

Alat muzik tersebut dimainkan semasa

- A upacara pertabalan raja
- B perkahwinan ketua kampung
- C kemangkatan pembesar daerah
- D kepulangan panglima perang


[Lihat halaman sebelah

- 13 Senarai berikut merupakan peralatan yang terdapat dalam masyarakat Melayu tradisional .

- Kaul
- Cupak
- Gantang

Peralatan tersebut digunakan untuk

- A menyukat
 - B menimbang
 - C menilai
 - D mengukur
- 14 Rajah berikut menerangkan adat resam kumpulan etnik di Sarawak.



Mengapakah mereka berbuat demikian?

- A Menghormati arahan tuai
- B Mementingkan status sosial
- C Mengutamakan warisan tradisi
- D Menjaga keselamatan keluarga

- 15 Senarai berikut merupakan undang-undang adat yang terdapat di Sabah.

- | |
|---|
| <ul style="list-style-type: none">• Babas• Sogit• Kepanasan |
|---|

Mengapakah undang-undang tersebut dilaksanakan?

- A Menjamin keadilan
B Memberi pengajaran
C Mengeratkan perhubungan
D Mengiktiraf kekuasaan pemerintah
- 16 Pada tahun 1800, Syarikat Hindia Timur Inggeris (SHTI) mengambil Seberang Perai daripada Sultan Kedah.

Mengapakah SHTI bertindak demikian ?

- I Memiliki tanah subur
II Mengatasi ancaman Bugis
III Menyekat pengaruh Islam
IV Menjadi benteng pertahanan

- A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

[Lihat halaman sebelah

- 17 Dialog berikut mungkin diucapkan oleh pegawai Syarikat Hindia Timur Inggeris (SHTI) pada tahun 1819.

Pegawai SHTI 1 : Kita perlu mengambil Singapura. Pegawai SHTI 2 : Memang benar. Pulau itu sangat penting kepada kita.
--

Mengapakah mereka ingin memiliki Singapura ?

- A Mengatasi ancaman lanun
 - B Menyekat monopoli Belanda
 - C Memperkukuh kubu pertahanan
 - D Menghalang pengaruh Perancis
- 18 Peristiwa berikut berlaku di Johor pada tahun 1819.

Peristiwa
British mengiktiraf Sultan Hussein sebagai Sultan Johor

Mengapakah British berbuat demikian ?

- A Menyebarkan agama
- B Mendapatkan Singapura
- C Menyekat pengaruh Belanda
- D Memonopoli perdagangan rempah

[Lihat halaman sebelah

- 19 Pada tahun 1873, Parti Konservatif yang memerintah Britain telah mengubah dasar tidak campur tangan kepada campur tangan di Tanah Melayu.

Mengapakah mereka bertindak demikian ?

- A Menguasai kawasan pertanian
 - B Menyekat kemaraan kuasa asing
 - C Menghalang kemasukan imigran
 - D Menyeragamkan struktur pentadbiran
- 20 Jadual berikut merujuk kepada peristiwa yang berlaku di Selangor.

Tahun	Peristiwa
1874	Rumah api di Tanjung Rachado Diserang

Apakah kesan daripada peristiwa tersebut ?


- A Pengaruh luar tersebar
- B Perebutan takhta tercetus
- C Pengedaran makanan terputus
- D Pergaduhan kongsi gelap terhenti

- 21 Jadual berikut merujuk kepada perkembangan yang berlaku di Tanah Melayu .

Tahun	Peristiwa
1896	Pembentukan Negeri-negeri Melayu Bersekutu

Mengapakah British membentuk pentadbiran tersebut ?

- A Menyekat pengaruh luar
 - B Mengatasi masalah kewangan
 - C Menggalakkan kemasukan buruh
 - D Menghapuskan amalan perhambaan
- 22 Garis masa berikut menunjukkan siri perjanjian antara British dengan Siam.




Apakah kepentingan perjanjian tersebut ?

- A Mengukuhkan sistem pertahanan
- B Menetapkan sempadan pengaruh
- C Menghalang peluasan kuasa asing
- D Memulihkan kuasa pembesar tempatan

[Lihat halaman sebelah

- 23 Rajah berikut merujuk kepada undang-undang yang diperkenalkan di Terengganu pada tahun 1911.



Mengapakah undang-undang tersebut digubal ?

- A Memulihkan krisis ekonomi
 - B Memperkukuh hubungan luar
 - C Memelihara kedaulatan negeri
 - D Menggalakkan kemasukan pelabur
- 24 Jadual berikut merujuk kepada perkembangan yang berlaku di Sarawak.

Masa	Peristiwa
Kurun ke- 19	Sultan Brunei melantik Pengeran Indera Mahkota sebagai wakil pemerintah Kesultanan Brunei

Mengapakah baginda berbuat demikian ?

- A Menamatkan huru - hara
- B Menguasai bahan galian
- C Melicinkan sistem pentadbiran
- D Memenuhi desakan penduduk

[Lihat halaman sebelah
SULIT

- 25 Dialog berikut mungkin berlaku di Sarawak pada tahun 1840.

Pengeran Raja : Boleh tak tuan membantu saya
Muda Hashim menamatkan penentangan rakyat
di Sarawak ?
James Brooke : Boleh ! Tapi apakah ganjaran yang
saya peroleh ?

Apakah ganjaran yang akan diperoleh James Brooke ?

- A Jawatan
B Wang tunai
C Piagam diraja
D Kawasan pertanian
- 26 Jawatan berikut telah diberikan oleh Syarikat Borneo Utara British (SBUB) kepada penduduk Sabah.

- Ketua Kampung
- Ketua Anak Negeri

Mengapakah jawatan tersebut diberikan kepada mereka ?

- A Mempunyai ramai pengikut
B Memahami adat tempatan
C Menguasai bahasa asing
D Mendapat pendidikan tinggi

[Lihat halaman sebelah
SULIT

- 27 Pernyataan berikut merujuk kepada penanaman tembakau semasa pentadbiran Syarikat Borneo Utara British (SBUB) di Sabah.

Menjelang tahun 1890, terdapat sebanyak 61 buah ladang tembakau di Sabah.

Apakah faktor yang meningkatkan tanaman tersebut ?

- A Penghasilan benih baru
 - B Pemberian insentif modal
 - C Pengecualian cukai eksport
 - D Pembinaan pusat penyelidikan
- 28 Senarai berikut berkaitan dengan faktor perkembangan perusahaan getah di Tanah Melayu pada awal kurun ke-20.

- Usaha H.N Ridley
- Cukai eksport rendah
- X

Apakah X ?

- A Kejatuhan harga kopi
- B Kemasukan imigran Cina
- C Kemahiran orang Melayu
- D Kemerostan kongsi gelap

[Lihat halaman sebelah

- 29 Peristiwa berikut berkaitan dengan perkembangan perusahaan bijih timah pada tahun 1930-an .

Tahun	Peristiwa
1931	Perjanjian Bijih Timah Antarabangsa ditandatangani
1934	Majlis Bijih Timah Antarabangsa ditubuhkan

Apakah kesan daripada peristiwa tersebut ?

- A Kegunaan bijih timah dipelbagai
 B Kejatuhan harga bijih timah dikawal
 C Perlombongan bijih timah dimodenkan
 D Pengeluaran bijih timah dipertingkatkan
- 30 Jadual berikut menunjukkan pekerjaan mengikut kaum di Tanah Melayu pada awal kurun ke-20.

Kaum	Pekerjaan
Melayu	Petani dan nelayan
Cina	Pelombong bijih timah dan peniaga
India	Pekerja ladang

Apakah kesan daripada perkembangan tersebut ?

- A Kemasukan pengaruh asing
 B Kewujudan jurang ekonomi
 C Peningkatan kadar pengangguran
 D Penghijrahan keluar penduduk tempatan

[Lihat halaman sebelah

- 31 Pernyataan berikut menerangkan perang pembebasan di Kedah.

Pendudukan Siam di Kedah pada tahun 1821 mendapat tentangan hebat daripada rakyat Kedah di bawah pimpinan Sultan Ahmad Tajuddin.

Mengapakah perjuangan tersebut menemui kegagalan?

- A Penglibatan kuasa asing
 - B Kekurangan senjata moden
 - C Perjuangan bercorak setempat
 - D Kemunduran sistem perhubungan
- 32 Pada 16 Disember 1891, Kerajaan British telah menangkap tiga orang pengikut Dato' Bahaman di Pahang.
- Mengapakah mereka ditangkap ?
- A Membuka tanah baru
 - B Mengutip hasil hutan
 - C Mengamalkan perhambaan
 - D Menentang pembinaan balai polis

33 Senarai berikut merupakan pelopor Gerakan Islah di Tanah Melayu.

- Syed Syeikh al-Hadi
- Haji Abbas bin Muhammad Taha
- Syeikh Muhammad Tahir bin Jalaluddin

Apakah matlamat perjuangan mereka?

- A Membebaskan negara dari penjajahan British
- B Menggesa kaum wanita aktif dalam ekonomi
- C Meningkatkan taraf hidup masyarakat pribumi
- D Menyeru orang Melayu berpegang kepada al-Quran

34 Senarai berikut merupakan akhbar Jawi Peranakan yang diterbitkan di Tanah Melayu sebelum Perang Dunia Kedua.

- Sekola Melayu
- Taman Pengetahuan
- X

Apakah X ?

- A Suara Benar
- B Bintang Timor
- C Tanjong Penagri
- D Khabar Uchapan Baru

[Lihat halaman sebelah
SULIT

- 35 Tokoh berikut merupakan pengasas Kesatuan Melayu Muda (KMM).



Ibrahim Haji Yaakob


Apakah tujuan beliau menubuhkan KMM ?

- A Menggalakkan pendidikan wanita
 - B Menanamkan semangat perpaduan
 - C Menghapuskan kerakyatan jus soli
 - D Mengurangkan kemasukan imigran
- 36 Apakah mesej yang ingin disampaikan oleh Jepun melalui slogan berikut ?

“Asia Untuk Orang Asia”

- A Jepun penyelamat Asia
- B Asia harus bersatu padu
- C Jepun pemaju ekonomi Asia
- D Asia tidak wajar dijajah

- 37 Rajah berikut menggambarkan dasar pemerintah Jepun terhadap orang Cina di Tanah Melayu.



Mengapakah Jepun berbuat demikian ?

- A Penduduk Cina menyokong negara China
 - B Jepun ingin memperkenalkan kebudayaan Jepun
 - C Penduduk Cina memberi taat setia kepada British
 - D Jepun ingin menghapuskan gerakan subversif Cina
- 38 Apakah tujuan Jepun mengeluarkan surat berikut di Tanah Melayu pada tahun 1940-an ?

Surat Pemberitahuan No: 41

- A Menyebarkan propaganda
- B Mengharamkan kongsi gelap
- C Mengawal penubuhan sekolah
- D Mengatasi kekurangan makanan

[Lihat halaman sebelah
SULIT

- 39 Pernyataan berikut menerangkan perkembangan di Tanah Melayu selepas kekalahan Jepun.

Sebaik sahaja tentera Jepun meninggalkan Tanah Melayu, pada masa itu suatu kekosongan politik telah berlaku selama 14 hari.

Apakah kesan daripada keadaan tersebut?

- A Pilihan raya ditangguhkan
 - B Ketegangan kaum meletus
 - C Kemerdekaan dipercepatkan
 - D Pemerintahan pusat dimantapkan
- 40 Senarai berikut berkaitan dengan tujuan penubuhan Malayan Union di Tanah Melayu pada tahun 1946.

- Menjimatkan perbelanjaan
- Mewujudkan pentadbiran yang cekap
- X

Apakah X?

- A Memulihkan kuasa raja
- B Mengukuhkan pertahanan
- C Mempercepatkan kemerdekaan
- D Menghadkan kemasukan imigran


[Lihat halaman sebelah

41 Mengapakah tokoh berikut ditentang penduduk tempatan ?

- Harold Mac Michael
- Gerald Mac Bryan

- A Melarang pembukaan tanah
- B Memecahbelah perpaduan rakyat
- C Menghapuskan amalan perhambaan
- D Mendapatkan persetujuan secara ugutan

42 Rajah berikut merujuk kepada matlamat perjuangan UMNO.



Apakah X

- A Membentuk organisasi nasional
- B Melindungi kedaulatan negara
- C Memajukan pendidikan pribumi
- D Memperjuangkan kebebasan beragama

[Lihat halaman sebelah

- 43 Pada tahun 1948, beberapa orang wakil Parti Komunis Malaya (PKM) telah menghadiri Persidangan Pemuda Komunis Asia di Calcutta, India.

Apakah tindakan PKM hasil daripada persidangan tersebut ?

- A Menubuhkan unit gerila
 - B Menyertai parti politik sah
 - C Menganjurkan perundingan damai
 - D Menstruktur semula pentadbiran parti
- 44 Apakah tujuan British menguatkuasakan undang-undang berikut di Tanah Melayu pada tahun 1948?

Undang-undang Darurat

- A Membentuk perpaduan kaum
 - B Menyekat kemasukan imigran
 - C Menjaga kepentingan ekonomi
 - D Mempercepatkan kemerdekaan
- 45 Dialog berikut mungkin berlaku di Tanah Melayu pada tahun 1940-an.

Daniel : Tahniah kerana berjaya dipilih menganggotai Special Constables.
Syaheer: Terima kasih. Saya akan berusaha untuk menjalankan tugas saya dengan baik...

Apakah tugas yang dimaksudkan?

- A Menjaga kampung
- B Mengawal lombong
- C Melakukan perisikan
- D Melancarkan perang gerila

[Lihat halaman sebelah

- 46 Apakah syarat yang diberikan oleh pihak British jika Tanah Melayu ingin mendapatkan kemerdekaan ?
- A Mewujudkan kerjasama kaum
 - B Mengagihkan kuasa antara kaum
 - C Menyeragamkan sistem pentadbiran
 - D Membahagikan sama rata hasil ekonomi
- 47 Apakah perkara yang dipersetujui hasil daripada kompromi UMNO – CLC pada tahun 1950-an ?
- A Pelaksanaan pilihan raya
 - B Penutupan sekolah vernakular
 - C Penggubalan perlembagaan baru
 - D Pengharaman parti politik radikal
- 48 Jadual berikut merujuk kepada sumbangan tokoh tempatan dalam politik negara.

Tokoh	Sumbangan
Dato' Onn Ja'afar	Memulakan kerjasama pelbagai kaum dalam satu parti
Tunku Abdul Rahman	X

Apakah X ?

- A Membuka keahlian UMNO
- B Mengasaskan Parti Perikatan
- C Memperkenalkan Sistem Ahli
- D Menggubal Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu

[Lihat halaman sebelah

- 49 Jadual berikut menerangkan kemenangan Parti Perikatan dalam Pilihan Raya Majlis Perundangan Persekutuan.

Tahun	Peristiwa
1955	Parti Perikatan memenangi 51 daripada 52 kerusi yang dipertandingkan

Antara yang berikut, yang manakah merupakan faktor kejayaan Parti Perikatan ?

- I Sikap tolak ansur parti
 - II Kebijaksanaan pemimpin parti
 - III Sokongan daripada pihak penjajah
 - IV Kejayaan menamatkan ancaman komunis
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV
- 50 Pada tahun 1956, satu rombongan yang terdiri daripada empat orang wakil raja-raja Melayu dan empat orang wakil Parti Perikatan telah bertolak ke London. Apakah matlamat rombongan tersebut ?
- A Merundingkan kemerdekaan negara
 - B Menentang pelaksanaan Malayan Union
 - C Menggubal Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu
 - D Memaklumkan keputusan Pilihan Raya Majlis Perundangan Persekutuan

[Lihat halaman sebelah

- 51 Jadual berikut merupakan suatu rundingan yang diadakan antara wakil Persekutuan Tanah Melayu dengan kerajaan British.

Tarikh	18 Januari – 8 Februari, 1956
Peristiwa	Rundingan di London

Mengapakah rundingan tersebut dianggap suatu kejayaan bagi Tanah Melayu ?

- A Penetapan tarikh kemerdekaan
B Penghapusan pengaruh komunis
C Pengiktirafan terhadap Parti Perikatan
D Penerimaan keputusan Pilihan Raya Umum
- 52 Tokoh-tokoh berikut telah berjasa kepada negara .


- | |
|---|
| <ul style="list-style-type: none">• Tun H. S Lee• Tun V.T Sambanthan• Tun Abdul Razak |
|---|

Apakah jasa mereka ?

- A Menganjurkan pilihan raya
B Mendapatkan kemerdekaan
C Merangka perlembagaan baru
D Menamatkan ancaman komunis

[Lihat halaman sebelah

- 53 Gambar berikut berkaitan dengan peristiwa penting yang berlaku di negara kita pada tahun 1957.



Gambar tersebut berkaitan dengan peristiwa

- A pemasyhuran kemerdekaan negara
- B pengisytiharan perlembagaan baru
- C pengumuman penamatan darurat
- D pemberitahuan keputusan pilihan raya

[Lihat halaman sebelah

- 54 Perkara berikut menggambarkan keadaan yang dihadapi oleh Sarawak selepas Perang Dunia Kedua.

Masalah Negeri Sarawak
<ul style="list-style-type: none">• Mengalami kemusnahan akibat perang• Tidak mempunyai sumber kewangan untuk pembangunan

Bagaimanakah pemerintah Sarawak mengatasi masalah tersebut ?

- A Memberikan kemerdekaan
 - B Mendapatkan bantuan luar
 - C Menyerahkan Sarawak kepada kerajaan British
 - D Memajakkan negeri Sarawak kepada Kesultanan Brunei
- 55 Apakah sumbangan tokoh berikut dalam sejarah negeri Sarawak ?

<ul style="list-style-type: none">• Cikgu Ajibah Abol• Cikgu Lily Eberwein• Puan Sharifah Hajah Sipah Tuanku Othman

- A Memperjuangkan kebebasan kaum wanita
- B Menghalang kemasukan pengaruh komunis
- C Merangka perlembagaan Sarawak
- D Menentang penyerahan Sarawak

56 Apakah faktor yang mendorong kepada kemunculan parti berikut ?

- Persatuan Cina Sabah
- Pertubuhan Kebangsaan Kadazan Bersatu
- Pertubuhan Kebangsaan Sabah Bersatu

- A Pentadbiran Tentera British
- B Pembentukan Parti Perikatan
- C Pengunduran tentera Jepun
- D Pengumuman pembentukan Malaysia

57 Petikan berikut merupakan sebahagian daripada ucapan Tunku Abdul Rahman di Hotel Adelphi, Singapura pada tahun 1961.



“ Lambat-laun Tanah Melayu harus bersefahaman dengan Britain dan rakyat-rakyat Singapura, Borneo Utara, Brunei dan Sarawak....”

Apakah cadangan Tunku untuk mencapai matlamat tersebut ?

- A Pembentukan Parti Perikatan
- B Penubuhan gagasan Malaysia
- C Pembentukan Jawatankuasa Hubungan Antara Kaum
- D Penubuhan Jawatankuasa Perundingan Perpaduan Malaysia

[Lihat halaman sebelah

58 Dialog berikut mungkin berlaku pada tahun 1961.

Lee Kuan Yew	:	Kita gabungkan sahaja Singapura dengan Persekutuan Tanah Melayu !
Tunku Abdul Rahman	:	Penggabungan Persekutuan Tanah Melayu dengan Singapura sahaja akan menimbulkan ketidakseimbangan komposisi kaum.

Apakah tindakan Tunku untuk mengatasi masalah tersebut ?

- A Mengetatkan syarat kerakyatan
- B Mengurangkan kemasukan imigran Cina
- C Menggalakkan kadar kelahiran dalam negeri
- D Menggabungkan Sabah dan Sarawak dalam Malaysia

59 Hampir kesemua tuntutan 20 Perkara Sabah dan Sarawak diberi pertimbangan yang sewajarnya oleh kerajaan Tanah Melayu.

Tindakan tersebut menunjukkan kerajaan Tanah Melayu mempunyai semangat

- A cekal
- B gigih
- C hormat
- D toleransi

[Lihat halaman sebelah

60 Mengapakah persidangan tersebut dianjurkan ?

Tarikh	Persidangan
Julai 1963	Sidang Kemuncak di Manila
Februari 1964	Persidangan di Bangkok
Jun 1964	Persidangan di Tokyo

- A Menamatkan konfrontasi
- B Mendapatkan kemerdekaan
- C Menamatkan ancaman komunis
- D Mendapatkan bantuan ketenteraan

KERTAS SOALAN TAMAT